

PENGERTIAN TAQWA YANG SEBENAR

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن تَتَّقُوا اللَّهَ يَجْعَلْ لَكُمْ فُرْقَانًا وَيُكَفِّرْ عَنْكُمْ
سَيِّئَاتِكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿٢٩﴾
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *subhanahu wa taala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati dan dirahmati Allah *subhanahu wa taala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah *subhanahu wa taala*,

Setiap minggu kita diperingatkan supaya bertaqwa kepada Allah subhanahu wa taala. Adakah kita telah berusaha untuk menjadi orang yang bertaqwa? Pengertian taqwa dari segi bahasa ialah memelihara diri agar selamat di dunia dan akhirat. Manakala pengertian takwa menurut istilah ialah melaksanakan semua perintah Allah, menjauhi segala larangan-Nya, dan menjaga diri agar terhindar daripada api neraka atau murka Allah subhanahu wa taala.

Ibn Abbas Radhiallahu anhu mentakrifkan taqwa sebagai "takut berbuat syirik kepada Allah Subhanahu wa-Taala dan selalu mengerjakan ketaatan kepada-Nya." Imam al-Qurthubi sependapat dengan Abu Yazid al-Bustami menyatakan bahawa orang yang bertaqwa itu adalah orang yang apabila berkata, berkata kerana Allah, dan apabila beramal, beramal kerana Allah.

Allah subhanahu wa taala menjelaskan maksud taqwa dalam surah al-Baqarah ayat 3 hingga 5 dengan Firman-Nya:

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ ﴿٣﴾ وَالَّذِينَ
يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالْآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ ﴿٤﴾
أُولَئِكَ عَلَىٰ هُدًى مِّن رَّبِّهِمْ ۗ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٥﴾

Yang bermaksud: *(Orang yang bertaqwa ialah) mereka yang beriman kepada perkara ghaib, mendirikan solat, dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka. Dan mereka yang beriman*

kepada kitab (Al Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan Kitab-Kitab yang telah diturunkan sebelumnya, serta mereka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang yang beruntung.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah subhanahu wa taala,

Allah subhanahu wa taala telah menjanjikan kelebihan dan ganjaran yang besar bagi orang yang bertaqwa. Banyak ayat al-Quran menjelaskan hal ini, antaranya, Firman Allah subhanahu wa taala dalam surah al-A'raaf ayat 96:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Yang bermaksud: *Jika sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertaqwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka barakah daripada langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.*

Dengan itu, untuk menyelamatkan negara kita daripada malapetaka, bala bencana seperti banjir, tanah runtuh dan sebagainya, wabak penyakit, kenaikan harga barang, masalah jenayah dan lain-lain, maka penyelesaiannya ialah menjadi ummah bertakwa kepada Allah subhanahu wa taala.

Firman Allah subhanahu wa taala dalam surah al-Talak ayat 2 hingga 3 ;

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ﴿٢﴾ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ
عَلَى اللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُ ﴿٣﴾ إِنَّ اللَّهَ بَلِغٌ أَمْرِهِ ۗ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا ﴿٤﴾

Yang bermaksud: *Barangsiapa bertaqwa kepada Allah nescaya Dia akan mengadakan baginya jalan keluar. Dan memberinya rezeki dari arah yang tiada disangka-sangkanya. dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah nescaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya. Sesungguhnya Allah melaksanakan urusan yang (dikehendaki)Nya. Sesungguhnya Allah telah mengadakan ketentuan bagi tiap-tiap sesuatu.*

Ayat ini sering dianggap sebagai ayat pelaris jualan dan digantung di premis perniagaan. Perlu diingat, mana mungkin ayat ini boleh menjadi penjemput rezeki kalau kita tidak beramal dengan tuntutan daripada ayat ini. Dalam ayat ini Allah subhanahu wa taala menyuruh kita bertaqwa dalam berjual beli seperti tidak berbohong, tidak menjual barang yang rosak, nescaya Allah akan memperluaskan rezeki, maka itulah maksudnya dia akan memperolehi rezeki dari arah yang tidak disangka-sangka.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah subhanahu wa taala,

Untuk menjadi muslim yang bertaqwa kita perlu berusaha secara ikhlas dan istiqamah melakukan perkara berikut; Pertama, berterusan menghadiri majlis ilmu serta menjaga adab-adabnya seperti duduk berhampiran dengan guru serta menunjukkan kesungguhan belajar, bukan hadir secara sambil lewa. Kedua, sentiasa istiqamah dalam melaksanakan ibadah seperti solat fardhu secara berjemaah dan begitulah juga ibadah lain. Ketiga, jauhkan diri daripada melakukan dosa dan maksiat seperti

mengabaikan solat, terlibat dengan dadah, arak, judi nombor ekor. Keempat, sucikan diri kita dengan bertaubat dan memperbanyakkan istighfar kepada Allah subhanahu wa taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٢﴾

Yang bermaksud: *Wahai orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah sebenar-benar takwa kepada-Nya; dan janganlah sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan beragama Islam.*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيْعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.